



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

BULETIN INTEGRITI SIRI 3 TAHUN 2018

Pemupukan Integriti Dalam Pendidikan



Terbitan: Unit Integriti

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

- Fazli bin Said

PENYELARAS / PENGARANG

- Mohd. Fairuz Azizi bin Abdullah
- Wan Muhamad bin Wan Junoh
- Mohd Shafique bin Kamarudzaman
- Farah Diba binti Esa
- Rashid bin Jamaluddin
- Haron bin Konchong

TERBITAN

Unit Integriti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, Blok E12
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya



03 - 8884 7982



03 - 8884 7922



wmuhamad.wjunoh@moe.gov.my



<http://www.moe.gov.my>

S U M B A N G A N K A R Y A

- Kami mengalu-alukan sebarang sumbangan karya bertema integriti (rencana, artikel, berita, cerpen, sajak dan lain-lain) untuk dikongsi bersama pembaca Buletin Integriti.
- Hantarkan karya anda ke kpm.ui@moe.gov.my.

PERUTUSAN

Ketua Setiausaha KPM

Assalamualaikum WBT / Selamat Sejahtera.

Pemupukan integriti dalam pendidikan adalah merupakan salah satu elemen terpenting bagi pembentukan sahsiah dan karakter seseorang individu. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selaras dengan hasrat YB Menteri Pendidikan Malaysia, komited untuk melaksanakan dasar pendidikan yang berteraskan tiga (3) nilai utama iaitu kasih sayang, kegembiraan dan hormat menghormati.

Sehubungan dengan itu, dalam menjayakan hasrat yang murni ini, saya menyeru semua warga kementerian untuk terus menilai dan memperbaiki diri agar nilai integriti dapat dipupuk dan dibudayakan.

Integriti bermula dari dalam diri, kemudian integriti dicontohi dan diteladani oleh mereka yang terdekat, keluarga serta masyarakat.

Setiap perkara yang diulang dan terus diulang akan menjadi suatu kebiasaan, sama ada kebaikan mahupun perkara yang membawa kepada keburukan. Oleh itu, kita semua perlu sentiasa berusaha, mengamalkan, nasihat menasihati dan menggalakkan semua dalam kalangan kita untuk melakukan kebaikan. Tanamlah dalam sanubari kita semua bahawa kita akan melakukan kebaikan dengan cara yang betul walaupun tiada sesiapa yang memerhatikan.

KPM selaku institusi yang merupakan peneraju dan penggerak utama bagi membangunkan modal insan generasi pelapis negara yang berpengetahuan, berkemahiran dan berkualiti tinggi, perlu memikul peranan dalam usaha pemupukan integriti sebagai teras dalam pendidikan.

Buletin Integriti KPM pada edisi ini akan menjadi saksi kepada kesungguhan dan komitmen kementerian dalam memartabatkan agenda integriti dalam setiap aspek bidang pendidikan.

Sekian, terima kasih.



DATO' DR. MOHD GAZALI ABAS
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEMINAR KEBANGSAAN "PEMUPUKAN INTEGRITI DALAM PENDIDIKAN"

11 Oktober 2018 (Khamis)

8.00 pagi – 5.00 petang

TEMPAT: Auditorium INTEGRITI, Menara INTEGRITI, Institut Integriti Malaysia

Disempurnakan Oleh:

YB Dr. Maszlee bin Malik
 Menteri Pendidikan Malaysia

[f Integriti.my](https://www.integriti.my)
[i Integriti.my](https://www.instagram.com/integriti.my)
[t @integritudotmy](https://twitter.com/integritudotmy)
www.integriti.my
[f KemPendidikan](https://www.facebook.com/KemPendidikan)
[f kpmsptofficial](https://www.facebook.com/kpmsptofficial)
[t KPMSPT](https://twitter.com/KPMSPT)
[i kpm_pendidikantinggi](https://www.instagram.com/kpm_pendidikantinggi)

Oleh: Wan Muhamad bin Wan Junoh, UI KPM

Pelanggaran integriti didapati semakin menjadi-jadi. Laporan di media massa dan media cetak yang menghiasi ruang bacaan di kebanyakan pejabat-pejabat mahu pun di kedai-kedai menjadikan kita seakan sesak nafas. Kita semua sebagai masyarakat Malaysia seharusnya mempunyai perasaan cakna terhadap perkara-perkara seperti ini. Tambah menyedihkan lagi, apabila yang terlibat adalah terdiri dalam kalangan generasi muda iaitu pelajar-pelajar sekolah dan ada daripada sekolah rendah. Maka tidak hairanlah, kebejatan akhlak muda belia sering menjadi tajuk utama dalam banyak perbincangan antara para ilmuwan mahupun *keyboard warrior*.

Menginsafi senario ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Unit Integriti (UI) sebagai urus setia induk telah memanfaatkan peluang yang telah ditawarkan oleh Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) iaitu untuk menganjurkan Seminar Kebangsaan "Pemupukan Integriti Dalam Pendidikan" Tahun 2018.

Forum "Pemupukan Integriti Dalam Pendidikan" dibarisi dengan perbincangan yang ilmiah oleh ilmuwan yang hebat iaitu:

1. YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid - Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI;
2. YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abd Majid - Universiti Malaya; dan
3. YBrs. Dr. Wendy Yee Mei Tien - Universiti Malaya



Objektif Seminar:

1. Menghimpunkan pandangan dan cadangan daripada pakar dan pemegang taruh terhadap isu-isu ketirisan, pembudayaan, pemupukan dan penghayatan integriti dalam kalangan pelajar; dan
2. Menyediakan resolusi seminar untuk diserahkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia.



BENGKEL PEMUPUKAN INTEGRITI DALAM PENDIDIKAN

Berakhirnya sesi berbengkel, pegawai-pegawai kerajaan dan pemegang-pemegang taruh yang lain telah berbincang dan mengemukakan resolusi dan skop utama yang telah dimuktamadkan adalah seperti berikut:

- 1) **KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS**
- 2) **PENGAJARAN, PEMBELAJARAN DAN PENYELIAAN**
- 3) **PROFESIONALISME KEGURUAN / PENDIDIK**

MAKLUMAT RINGKAS SEMINAR



JUMLAH PESERTA

186 orang termasuk warga KPM, INTEGRITI, Organisasi-organisasi Perancangan Korporat Malaysia

PENGISIAN BENGKEL

Forum, Bengkel, Pembentangan dan Penyerahan Resolusi Kepada YB Timbalan Menteri Pendidikan



MAKLUM BALAS

Pelaksanaan seminar ini berjalan dengan lancar dan mencapai objektifnya.



AKHLAK

Terdapat Bermacam Akhlak Terpuji dan Penerapan Akhlak Dalam Kehidupan Sehari-hari, Yang Manakah Pilihan Anda..



Oleh: Farah Diba binti Esa, UI KPM

Pengertian akhlak secara etimologi, perkataan "akhlak" berasal daripada perkataan (*al-khulq*) bererti tabiat, kelakuan, perangai, tingkah laku, adat kebiasaan, malah ia juga bererti agama itu sendiri.

Menurut Istilah:

Sifat yang tertanam di dalam diri yang dapat mengeluarkan sesuatu perbuatan yang senang dan mudah tanpa pemikiran, penelitian dan paksaan. Akhlak itu adalah keadaan jiwa yang mendorong ke arah melahirkan perbuatan tanpa pemikiran dan penelitian.

Menurut Islam:

Islam mempunyai dua sumber iaitu Al-Quran dan As-Sunnah yang menjadi pegangan dalam menentukan segala urusan dunia dan akhirat. Kedua-dua sumber itulah juga menjadi sumber akhlak Islamiah. Prinsip-prinsip dan kaedah ilmu akhlak Islam semuanya didasarkan kepada wahyu yang bersifat mutlak dan tepat neraca timbangannya.

Pemahaman akhlak adalah seseorang yang mengerti benar akan kebiasaan perilaku yang diamalkan dalam pergaulan semata-mata taat kepada Allah dan tunduk kepada-Nya. Oleh kerana itu seseorang yang sudah memahami akhlak maka dalam bertingkah laku akan timbul daripada hasil perpaduan antara hati nurani, fikiran, perasaan, pembawaan, kebiasaan dan yang menyatu, membentuk suatu kesatuan tindakan akhlak yang dihayati dalam kenyataan kehidupan seharian.

Dengan demikian memahami akhlak adalah masalah fundamental dalam Islam. Namun sebaliknya tegaknya keislaman dalam kehidupan seseorang itulah yang dapat menerangkan bahawa orang itu memiliki akhlak. Jika seseorang sudah memahami akhlak dan menghasilkan kebiasaan hidup dengan baik, yakni pembuatan itu selalu diulang-ulang dengan kecenderungan hati. Akhlak merupakan kelakuan yang timbul dari hasil perpaduan antara hati nurani, fikiran, perasaan dan kebiasaan dan yang menyatu, membentuk suatu kesatuan tindakan akhlak yang dihayati dalam kenyataan hidup seharian. Semua yang telah dilakukan itu akan melahirkan perasaan moral yang terdapat di dalam diri manusia itu sendiri sebagai fitrah, sehingga ia mampu membezakan mana yang baik dan mana yang jahat, mana yang bermanfaat dan mana yang tidak berguna, mana yang cantik dan mana yang buruk.

Satu ilmu yang membahaskan tatanilai, hukum-hukum dan prinsip-prinsip tertentu bagi mengenal pasti sifat-sifat keutamaan untuk dihayati dan diamalkan dan mengenal pasti sifat-sifat tercela untuk di jauhi bagi mencapai keredaan Allah SWT.

Dengan kata lain, akhlak iaitu suatu sistem yang menilai perbuatan zahir dan batin manusia secara individu, kumpulan dan masyarakat dalam interaksi hidup antara manusia dengan baik secara individu, kumpulan dan masyarakat dalam interaksi hidup antara manusia dengan baik secara individu, kumpulan dan masyarakat dalam interaksi antara manusia dengan Allah, manusia sesama manusia, manusia dengan haiwan, dengan malaikat, dengan jin dan juga dengan alam sekitar.



AKHLAK TERPUJI

- 1 Husnuzzan;** berprasangka baik atau disebut juga 'positive thinking'. Lawan daripada kata ini adalah su'uzzan yang ertinya berprasangka buruk (*negative thinking*).
- 2 Gijih;** kerja keras atau optimis termasuk di antara akhlak mulia; percaya akan hasil positif dalam segala usaha.
- 3 Berinisiatif;** perilaku yang terpuji karena sifat tersebut bererti mampu melakukan kegiatan yang positif serta menghindarkan sikap terburu-buru bertindak ke dalam situasi sulit, bertindak dengan kesedaran sendiri tanpa menunggu perintah dan selalu menggunakan akal ketika bertindak dalam pelbagai situasi demi kepentingan bersama.
- 4 Rela berkorban;** rela mengorbankan apa yang dimiliki demi sesuatu atau seseorang. Perkara ini perlu dengan maksud dan dilandasi niat atau tujuan yang baik.
- 5 Adil;** dikelompokkan menjadi dua kata iaitu *al-'adl* dan *al-'idl*. *Al-adl* adalah keadilan yang ukurannya didasarkan kalbu, sedangkan *al-idl* adalah keadilan yang dapat diukur secara fizik dan dapat dirasakan oleh pancaindera seperti hitungan atau timbangan.
- 6 Reda;** menerima, rela dan senang di mana konsep reda kepada Allah mengajarkan manusia untuk menerima secara suka rela terhadap sesuatu yang terjadi pada dirinya.
- 7 Amal Soleh;** perbuatan zahir dan batin kepada hal positif dan bermanfaat.
- 8 Sabar;** tahan setiap penderitaan atau perkara yang tidak disenangi dengan sikap reda dan menyerahkan diri sepenuhnya kepada Yang Maha Berkuasa.
- 9 Tawakal;** berserah diri sepenuhnya kepada Allah dalam menghadapi atau menunggu hasil dari suatu pekerjaan.
- 10 Qona'ah;** merasa cukup dengan apa yang dimiliki dan menjauhkan diri dari sifat ketidakpuasan atau kekurangan..
- 11 Bijaksana;** sikap dan perbuatan seseorang yang dilakukan dengan cara hati-hati dan penuh kearifan terhadap suatu permasalahan yang terjadi, sama ada terjadi pada diri sendiri atau pun pada orang lain.

Rujukan:
 ISLAMGRID@Islam.gov.my
 Buletin SPRM Chapter 6: Konsep Akhlak Dalam Islam

Akhlak Kepada Pencipta.

Salah satu perilaku yang mendasari akhlak kepada Pencipta adalah Taubat (bererti kembali pada kebenaran). Secara istilah adalah meninggalkan sifat dan kelakuan yang tidak baik, salah (berdosa) dengan penuh penyesalan dan berniat serta berusaha untuk tidak mengulangi kesalahan yang sama. Dengan kata lain, taubat mengandungi erti kembali kepada sikap, perbuatan atau pendirian yang baik (benar) serta menyesali perbuatan dosa.

Akhlak Sesama Muslim.

Sebagai umat Rasulullah SAW, orang Islam seharusnya mengambil perhatian terhadap apa yang telah dinukilkan dalam sebuah hadis; "*Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*". Contohnya, menjaga lisan dalam perkataan agar tidak membuat orang lain tersinggung. Perkara ini sangat ditekankan sehingga terdapat larangan berbicara hanya dengan melalui bisikan halus ditelinga teman di hadapan teman-teman yang lain, kerana itu merupakan etika yang tidak sopan bahkan diharamkan dalam Islam.

Akhlak Dengan Bukan Muslim.

Akhlak dengan bukan muslim adalah penting bagi membentuk prinsip hidup dengan nilai-nilai kemanusiaan. Namun sayangnya kadang-kadang kita salah tafsir keadaan sosial masa kini. Contohnya, setiap muslim perlu menghargai apa yang menjadi keyakinan mereka yang bukan muslim, terutama ketika upacara keagamaan sedang berlangsung. Setiap muslim perlu menghormati walaupun yang bukan muslim itu sebagai golongan minoriti.

Akhlak Kepada Sesama Manusia.

Setelah menelaah dan memahami akhlak kepada sesama sebagai kesimpulannya adalah sesungguhnya dalam kehidupan, kita tidak terlepas dari apa yang sudah ada dalam diri kita sebagai manusia termasuk salah satunya adalah akhlak. Kerana akhlak adalah salah satu predikat yang disandang oleh manusia akhlak akan berjalan setelah manusia itu sendiri berada dalam alam sosial. Baik dan buruknya akhlak sesama manusia bergantung dari cara orang itu menjalani kehidupan, membentuk karakter dengan akal atau dengan hati kerana kedua-duanya adalah sumber. Kesimpulan akhlak antara sesama manusia sangat dianjurkan selama apa yang dilakukan punya nilai ibadah.

Oleh itu, menjadi kewajiban ke atas setiap individu untuk menjaga dan memelihara akhlaknya, keluarganya dan orang-orang yang menjadi tanggung jawab ke atas dirinya.

AKHLAK MULIA

MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG BERINTEGRITI

Oleh: Mohd Shafique bin Kamarudzaman, UI KPM

Pada zaman dahulu, terdapat seorang petani yang miskin. Petani berkenaan menanam pelbagai jenis tanaman. Hasil tanamannya akan dijual kepada saudagar desa. **Saudagar desa terkenal dengan sikap suka menipu.** Dia sering menipu timbangan kepada orang kampung tersebut.

Pada suatu hari, si petani menjual hasil tanamannya iaitu ubi keledak kepada saudagar sebanyak tujuh (7) kilogram. **Saudagar menuduh si petani menipu timbangannya.** Lalu, saudagar membawa permasalahan berikut kepada raja yang memerintah negeri itu. **Raja telah murka** mendengarkan aduan oleh saudagar tersebut.

Hal ini kerana **raja** tersebut terkenal dengan sifatnya yang adil, jujur, amanah dan berakhlak mulia. Baginda tidak menerima sekiranya berlaku sebarang penipuan di dalam negeri tersebut. Raja meminta penasihatnya untuk memanggil si petani datang menghadap baginda.



Setelah beberapa hari berlalu, **si petani datang menghadap raja**. Lalu, raja menyoal si petani sama ada dia menipu timbangan hasil tanamannya semasa berjual beli kepada saudagar desa. Si petani sungguh terkejut dengan dakwaan raja. Hal ini kerana si petani seorang yang berakhlak mulia dan tidak pernah menipu. Raja bertanya kepada si petani **bagaimana dia menimbang hasil tanamannya**. Si petani menerangkan bahawa dia menganggarkan **jumlah timbangan tanamannya sama dengan timbangan jumlah garam yang dibeli dari saudagar desa berkenaan**.

Maka dengan itu, sang raja bertambah murka kerana telah ditipu oleh saudagar desa tersebut. Raja menjatuhkan **hukuman penjara seumur hidup kepada saudagar berkenaan kerana menipu dan memfitnah orang yang tidak berdosa**.

- TAMAT -



PENGAJARAN

Cerita Petani Yang Miskin

- ✓ Jika kita berakhlak mulia, sudah pasti akan menyelamatkan kita daripada sebarang fitnah dunia.
- ✓ Dengan akhlak mulia, kita akan disenangi oleh masyarakat sekeliling.
- ✓ Perilaku yang berakhlak mulia akan menjadi tonggak ke arah negara yang berintegriti.

Rujukan:

<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=mulia>

<http://ciptaan-mulia.blogspot.com/p/konsep-akhlak.html>

HALAL HARAM

HADIAH MENURUT ISLAM

Oleh: Farah Diba binti Esa, UI KPM

“Orang berbudi, kita berbahasa. Orang memberi, kita merasa”.

Frasa ini sudah cukup menunjukkan bahawa amalan memberi dan menerima hadiah telah menjadi budaya dalam masyarakat kita. Pemberian hadiah bertujuan untuk melahirkan rasa terima kasih, dan sebagai satu cara menjalin dan mengekalkan hubungan persahabatan atau kekeluargaan. Ia juga diberi atas pelbagai alasan sama ada tanda ingatan, pengiktirafan atau penghargaan terhadap budi baik, jasa serta pengorbanan seseorang.

Agama Islam tidak melarang penganutnya untuk **memberi dan menerima hadiah**. Begitu juga dengan agama dan kepercayaan lain. Bagaimanapun, hadiah yang diberi dengan tujuan yang tidak baik akan menjadi haram di sisi agama dan boleh menjadi kesalahan di sisi undang-undang. Abu Abdul Halim Ahmad di dalam bukunya **“Bahaya Rasuah Kepada Masyarakat Islam”** membahagikan hadiah kepada tiga kategori.

PERTAMA: adalah hadiah yang halal bagi pemberi dan halal juga bagi penerima. Hadiah ini diberi kepada seseorang semata-mata untuk mewujudkan perasaan kasih sayang sesama insan. Hadiah sebegini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibnu Asakir *“Hendaklah kamu saling memberi hadiah, maka tercipta rasa saling sayang menyayangi dan mencintai”*. **Hadiah yang diberi atas dasar perasaan kasih sayang ini adalah amat digalakkan di dalam Islam.**

Kesimpulannya, sebelum anda menerima sesuatu hadiah, perlu ditanya apakah tujuan hadiah tersebut diberi? Adakah *“ada udang di sebalik batu”*?. Renung-renungkan. Jika anda penjawat awam, berhati-hati dengan hadiah kerana ia boleh menjadi racun berbisa. Jika anda ingin menerima sesuatu hadiah, jangan jadikan alasan *“orang lain boleh terima hadiah, mengapa aku tidak boleh terima”*?.

Dalam menempuh hidup yang penuh dengan dugaan ini, jangan jadi seperti lalang yang hanya mengikut tiupan angin. Ikutlah resmi ikan di lautan, *“walaupun dikelilingi oleh air laut (lautan) yang masin, tetapi isinya tetap manis dan tidak pernah terpengaruh dengan persekitarannya”*.

KEDUA: adalah hadiah yang halal bagi pemberi, tetapi haram bagi orang yang menerimanya. Menurut Ibnu Taimiyah *“Jika seseorang memberi hadiah kepada orang yang berhak sebagai imbalan (balasan) untuk mencegah kezaliman darinya, atau untuk mendapatkan haknya yang mesti ditunaikan oleh penerima hadiah, maka hadiah itu haram bagi penerima dan halal bagi pemberi”* (fatwa 4/203). Hadiah sebegini merujuk kepada pemberian hadiah atas dasar seseorang itu merasa takut kepada orang yang menerima hadiah itu. Dalam situasi ini, si pemberi hadiah menjadikan hadiah sebagai pelindung jiwanya. Si pemberi mengharapkan dengan pemberian hadiah tersebut, ia mampu menghentikan perbuatan zalim yang boleh dilakukan oleh si penerima hadiah ke atasnya. Oleh sebab itu, menurut Ibnu Taimiyah hadiah tersebut menjadi halal kepada pemberi tetapi haram kepada orang yang menerimanya.

KETIGA: adalah hadiah yang haram bagi pemberi dan haram juga bagi penerima. Sekali lagi Ibnu Taimiyah menjelaskan bahawa *“Barang siapa yang memberikan hadiah kepada waliyul amr untuk melakukan perbuatan yang tidak dibolehkan (pelanggaran), maka hadiah tersebut adalah haram bagi pemberi dan penerima. Hadiah di sini sama dengan rasuah yang diharamkan”* (fatwa 4/203). Dengan kata lainnya, hadiah ini diberi dengan harapan agar hajatnya dipenuhi oleh si penerima hadiah tersebut. Oleh itu, hadiah tersebut hukumnya haram bagi pemberi dan haram juga bagi penerimanya.



INFO PENTING ! MENGENAI HADIAH

Oleh: Farah Diba binti Esa, UI KPM

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 menggariskan perkara-perkara berikut:

Pegawai Awam DILARANG daripada menerima atau memberi hadiah sekiranya:



- a. Berkaitan dengan tugas awamnya; atau
- b. Nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah itu diberi. Maksudnya jika nilai (semasa) hadiah diterima itu melebihi $\frac{1}{4}$ emolومن bulanan atau melebihi RM500.00, mana yang lebih rendah.

Apabila seseorang pegawai awam menerima hadiah yang mana pemberiannya **tidak berkaitan dengan tugas awamnya**, tetapi nilai hadiah dianggap **tidak sepadan** dengan maksud hadiah itu, hendaklah melaporkan kepada Ketua Jabatan untuk kelulusan.

Ketua Jabatan yang menerima laporan mengenai penerimaan hadiah oleh pegawai-pegawainya boleh mengambil keputusan atau tindakan seperti berikut:



- a. Membenarkan pegawai menerima hadiah itu;
- b. Mengarahkan pegawai mengembalikan hadiah itu kepada si pemberi; atau
- c. Hadiah itu disimpan oleh Jabatan.

Penerimaan hadiah dibenarkan walaupun nilainya melebihi RM500.00, jika penerimaan hadiah itu dalam keadaan berikut:



- a. Daripada rakan sekerja **sempena** persaraan, pertukaran, pertunangan dan perkahwinan pegawai;
- b. Daripada isteri atau suami, anak-anak (termasuk menantu atau anak angkat), ibu atau bapa (termasuk mertua) dan adik beradik (termasuk ipar duai);
- c. Penerimaan hadiah **sempena** sesuatu majlis seperti majlis hari jadi, perkahwinan atau yang berkaitan dengan adat resam dan agama; atau
- d. Penerimaan hadiah yang **cepat rosak dan tidak tahan lama** seperti buah-buahan, kuih-muih, minuman ringan, bunga dan sebagainya.

PENJAWAT AWAM **TIDAK DIBENARKAN**
menerima hadiah daripada pihak swasta atau pihak lain **KECUALI**
dengan kelulusan **KETUA JABATAN**

Maharaja BAHARU

Oleh: Rashid bin Jamaluddin, UI KPM

Integriti adalah suatu perkara yang sering dibincangkan. Namun tidak mudah untuk didefinisikan. Integriti termasuk **kejujuran, kesopanan, etika, kesahihan, dan keteguhan**, tetapi pada masa yang sama, tiada satu pun daripada nilai yang dinyatakan merangkumi keseluruhan maksud tersebut. Ketiadaannya dapat kita perhatikan, sebagai contoh apabila wujud amalan-amalan yang meragukan dilakukan oleh beberapa pemimpin negara atau organisasi, atau salah laku individu. Malah, di syarikat-syarikat kewangan atau organisasi perniagaan, jarang kita melihat integriti dihargai atau diamalkan sepenuhnya. Oleh itu, di sini, untuk menjadikan konsep ini lebih jelas, berikut adalah **ANEKDOT** latihan pengurusan yang membawa kepada makna "INTEGRITI".

Seorang Maharaja yang telah tua di Timur memutuskan cara untuk memilih penggantinya. Dia telah memanggil belia-belia di seluruh jajahan takluknya untuk hadir ke Istana. Baginda telah memberi mereka beberapa biji benih istimewa, sambil memberitahu;



"Ambil.. pergi dan tanam benih ini. Dalam masa setahun, beta akan menilai tanaman kamu semua dan memilih seorang Maharaja baharu".

Seorang lelaki muda bernama Ling mengambil pasunya dan menanam benih tersebut. Setiap hari dia menyiramnya namun tiada yang tumbuh. Walaupun kawan-kawannya masing-masing bercakap tentang tumbuhan mereka yang semakin meninggi, Ling hanya mempunyai pasu yang kosong.

Apabila hari yang ditetapkan telah tiba, Ling pergi kembali ke Istana dengan perasaan yang ketakutan. Ketika Maharaja muncul, semua pemuda lain megah dengan tumbuh-tumbuhan mereka. Apabila Maharaja melihat pasu Ling, baginda memanggilnya ke hadapan dan mengumumkan kepada orang ramai;

"Lihatlah Maharaja baharu kamu. Dia seorang yang sangat berani dan berintegriti. Sebenarnya, semua benih yang beta berikan kepada kamu telah direbus dan tidak berguna. Hanya dia satu-satunya yang tidak menipu. Dia akan menjadi Maharaja bijak dan adil ke atas kamu semua".

Pengajaran Cerita “Maharaja Baharu”

Oleh: Rashid bin Jamaluddin, UI KPM

- **Integriti** bersepadu dan menyeluruh. Bagi menuju negara yang maju dan sejahtera, pembangunan material dan pembangunan spiritual hendaklah bersepadu.

- **Integriti** akan memberi gambaran yang sebenar tentang siapa anda dan yang penting adalah bagi mengelakkan penipuan dan helah mereka yang tidak bertanggungjawab.

- **Integriti** merangkumi segala-galanya - dan kepada semua orang - secara keseluruhan, tidak membezakan sesuatu perkara sebagai "milik anda" dan "milik saya", "idea saya" dan "idea anda", "apa yang saya mahu" dan "apa yang anda mahukan".

- **Integriti** menjadikan kita orang yang sama kepada semua orang. Tidak kira siapa kita, tidak kira apa jawatan atau pangkat kita, jika tiada nilai integriti dalam diri, maka kita tetap akan dipandang hina.

- **Integriti** adalah melakukan apa yang dikatakan; apa yang akan dilakukan; memelihara janji; menjadikan seseorang itu berpegang teguh terhadap apa yang dikatakan.

- **Integriti** tidak menafikan kepelbagaian dalam organisasi dan tiada halangan kepada orang tertentu; tiada halangan untuk percaya kepada subordinat anda sebagai aset terbesar; dan tidak menolak peluang orang lain untuk maju.

Rujukan:

<https://betterlifecoachingblog.com/the-emperor-need-a-story-abaout-integrity>



WACANA INTEGRITI SIRI 2/2018

Anjuran bersama:

26 Julai 2018 (Khamis)
8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari

Dewan Serbaguna, Aras 9
Blok E12, Kompleks E, Putrajaya

Unit Integriti KPM



APAKAH YANG ANDA
TENTANG

JENAYAH RASUAH

"Isu Yang Tiada Penghujung"

YBhg. Dato' Sri Haji Zakaria bin Haji Jaffar

- Pengerusi Yayasan Antirasuah Malaysia (YARM)
- Mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) SPRM

GURINDAM

JIKA MAHU ORANG

Oleh: Haron bin Konchong, UI KPM

Jika mahu disayangi orang,
Wajah ceria tidak mudah berang.

Jika mahu dikasihi orang,
Berbudi bahasa tidak garang.

Jika mahu disukai orang,
Amanah dipegang tidak curang.

Jika mahu dicintai orang,
Janji ditepati berterus terang.

Jika mahu disenangi orang,
Bertolak ansur jaga pantang larang.

Jika mahu digemari orang,
Jangan suka serkap jarang.

Jika mahu diminati orang,
Hidup bermasyarakat bukan berseorang.

Jika mahu dikenang orang,
Jasa bakti jelas terang.

Jika mahu diingati orang,
Berbudi bahasa berlebih kurang.

Jika mahu difahami orang,
Tunaikan hajat senyum girang.

Jika mahu dihormati orang,
Mudah berbincang tidak menyerang.

Jika mahu dihargai orang,
Jangan lakukan perkara terlarang.

Jika mahu disanjung orang,
Bergaul semua peringkat tanpa jurang.

Jika mahu dimuliakan orang,
Hormat-menghormati bukan berperang.

Jika mahu diteladani orang,
Elok perangai tidak menconteng arang.

Jika mahu diakui orang,
Pamerkan kehebatan bukan temberang.

Kredit: MAS ADEKI

Rujukan:
Mohd Sidek Bin Mohd Dollah, 2012,
Antologi Gurindam-Gurindam Jiwa Mengusik Hati.
Selangor: DM Dekmai Enterprise.



KURSUS PEMANTAPAN INTEGRITI SIRI 2/2018

13-16 Ogos 2018 | Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, PD Negeri Sembilan

PENGISIAN KURSUS:

- Gaya Hidup Sihat
- Integriti, Aku Janji dan Tatatertib Penjawat Awam
- Psikologi dan Kaunseling Dalam Pengukuhan Integriti
- Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa
- Integriti Pengurusan Kewangan dan Keselamatan
- Integriti Penggunaan Teknologi Maklumat
- Latihan Dalam Kumpulan
- Ujian Prakursus dan Ujian Pascakursus

